



**KENYATAAN MEDIA
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA), KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

**MAJLIS TANDATANGAN PIAGAM PROJEK ANTARA *MEDICAL
DEVICE AUTHORITY (MDA) DENGAN MALAYSIAN
ADMINISTRATIVE MODERNISATION AND MANAGEMENT
PLANNING UNIT (MAMPU)***

Satu Majlis Tandatangan Piagam Projek telah berlangsung di antara pihak *Medical Device Authority (MDA)* bersama *Malaysian Administrative Modernisation And Management Planning Unit (MAMPU)* pada 6 September 2023 di Dewan Serbaguna Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya.

Piagam projek tersebut telah ditandatangani oleh Ybrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA bersama Ybhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad, Ketua Pengarah MAMPU dan disaksikan oleh Ybhg Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), Kementerian Kesihatan Malaysia

Majlis tandatangan tersebut adalah melambangkan kerjasama pihak MAMPU dalam membimbing dan memberi nasihat kepada pihak MDA dalam aspek Pembangunan Sistem dan Pengurusan Pangkalan Data dalam pelaksanaan kajian keperluan bisnes dan kajian keperluan sistem bagi tujuan pembangunan Sistem MeDC@St 3.0.

Sistem MeDC@St ini adalah merupakan sistem teras MDA yang dibangunkan bagi melaksanakan aktiviti Kawal Selia Pra Pasaran di bawah Akta 737 dan Akta 738 seperti Permohonan Lesen Establismen dan Pendaftaran Peranti Perubatan sebelum produk peranti perubatan dijual ke pasaran Malaysia. Pelaksanaan projek pembangunan Sistem MeDC@St 3.0 ini telah dirancang dalam Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA 2021-2025 di mana sistem tersebut akan dilancarkan secara berperingkat bermula pada awal tahun 2025 melibatkan pembaharuan. Anggaran kos pembangunan sistem MeDC@St ini adalah berjumlah RM20 juta.

Pelaksanaan khidmat perundingan ini diharapkan dapat menjadikan perkhidmatan digital MDA lebih efisien untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi industri peranti perubatan di Malaysia ke peringkat antarabangsa.

**Dr. Muralitharan Paramasua
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6 September 2023**